

Anwar ingatkan ahli2 Majlis Peguam

Hati2 pertahan perlembagaan negara

*Salleh
Azmi*

12 JUL 1988

PULAU PINANG, 11 Julai — Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim hari ini mengingatkan para peguam yang menjadi anggota Majlis Peguam supaya sentiasa berhati-hati dan berkelakuan baik dalam mempertahankan perlembagaan negara ini.

Mereka juga harus berhati-hati dan sensitif dalam sebarang tindakan yang diambil, tambahna kepada pemberita di sini ketika ditanya bersabit isu yang melibatkan para peguam berikutan penggantungan lima orang hakim Mahkamah Agung minggu lalu.

Majlis Peguam dalam mesyuarat agung luar biasanya di Kuala Lumpur kelmarin meluluskan resolusi mendesak Yang di-Pertuan Agong supaya memecat Pemangku Ketua Hakim Negara, Tan Sri Abdul Hamid Omar dan menarik balik penggantungan lima orang hakim itu.

Lima orang hakim Mahkamah Agung yang digantung jawatan Rabu lalu ialah Tan Sri Wan Suleiman Pawanteh, Datuk George Edward Seah Kim Seng, Tan Sri Datuk Haji Mohd Azmi Datuk Kamaruddin, Tan Sri Datuk Sri Eusoffe Abdool-

dan Tan Sri Datuk Wan Hamzah Haji Mohd Salleh.

Diminta mengulas tindakan yang diambil oleh Majlis Peguam, Encik Anwar yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang bagaimanapun tidak bersetuju dengan tindakan peguam itu.

"Peguam - peguam mempunyai hak untuk melahirkan pendapat atau pandangan mereka," tambah beliau.

Bagaimanapun, beliau menyebut mereka (peguam) sering menimbulkan soal digniti dan kehakiman atau keadilan bagi mempertahankan perlembagaan negara.